



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Subject Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : May - August 2017
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 13 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS

Petikan (i)

Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Pengemis Kecil

Di sebuah kedai kopi
Matahari menyimbah panorama hati
Sepasang tapak tangan kusam
Menari-nari meminta habuan

Dia anak kecil
Bermata redup berwajah naif
Mengembara di tengah kota
Menapak dari satu meja ke satu meja
Berkasutkan kemiskinan
Berselimutkan ketakutan

Sekeping pertolongan luhur
Membawa langkahnya pergi
Derap kematu kakinya terasa
Menuju lorong hitam penuh liku
Aku ditujah seribu tanda tanya
Rantai apakah yang diseret kakinya?

Citra Zura

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'sekeping pertolongan luhur'? **(2 markah)**
2. Apakah citra/imej pengemis kecil seperti yang digambarkan dalam sajak di atas? **(4 markah)**

3. Pada pendapat anda, berikan **DUA (2)** cara untuk mengatasi masalah pengemis di negara kita? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Persekitaran hari ini yang serba moden dan canggih menyaksikan kegiatan rekreasi bagi tujuan mengeluarkan peluh tidak lagi tertumpu di taman permainan, sebaliknya boleh dilakukan di pusat kesihatan yang menyediakan pelbagai peralatan senaman moden.

Bagi golongan remaja, aktiviti rekreasi mampu mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Berekreasi, selain berfungsi menyihatkan badan dan memberikan kesihatan yang baik, minda yang cerdas dan menjauhkan diri daripada gejala sosial yang tidak sihat, juga mampu mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan.

Rekreasi yang dilakukan secara teratur mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan. Pergaulan yang sihat membolehkan remaja berkongsi pengalaman dan semua ini penting sebagai persediaan untuk menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Remaja yang suka berekreasi bukan sahaja mempunyai minda yang sihat serta terbuka dalam pergaulan, tetapi juga lebih terarah dalam soal kehidupan berbanding dengan mereka yang tidak melakukan aktiviti rekreasi.

Berekreasi membantu perkembangan psikologi remaja. Sebagai remaja yang *menuju alam kedewasaan* dan perlu membuat pilihan untuk menentukan masa hadapan, biasanya mereka telah ada arah tuju atau pilihan. Berekreasi memudahkan remaja mencari hala tuju dalam kehidupan mereka tanpa terpengaruh oleh persekitaran yang tidak sihat. Mereka akan mudah membuat keputusan kerana memiliki badan yang sihat dan minda yang cerdas.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Ayuh Berekreasi', Dewan Siswa, Januari 2010)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “menuju alam kedewasaan”? **(2 markah)**
2. Berikan **EMPAT (4)** kepentingan berekreasi berdasarkan petikan di atas. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah cara lain untuk meningkatkan keyakinan dalam pergaulan bagi golongan remaja? **(4 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. duduk
- II. terduduk
- III. menduduki
- IV. penduduk
- V. kedudukan

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. Rendran telah dipesan mee goreng dari kedai mamak yang berdekatan untuk dibawa pulang ke rumah.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

- II. Surat perletakan jawatan telah disertai kepada Bahagian Sumber Manusia.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

- III. Orang yang memeluk ugama Islam juga mengenali sebagai orang mukmin.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

IV. Aturcara program kesenian itu telah menyediakan oleh biro pengurusan acara.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

V. Hobi mengumpul stem masih lagi diteruskan oleh Farhana walaupun usianya telah pun bercecah 35 tahun.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada SATU (1) bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan.**

SOALAN 1

Pencemaran udara telah memberikan impak yang besar terhadap alam sekitar. Hal ini telah menyumbang kepada terjadinya fenomena pemanasan global yang mengakibatkan berlakunya bencana alam yang mengancam bumi kita. Bincangkan faktor-faktor yang mendorong berlakunya pencemaran udara.

SOALAN 2

Tulis sebuah cerita yang menarik berdasarkan peribahasa "sediakan payung sebelum hujan".

SOALAN 3

Penjanaan tenaga elektrik di Malaysia dihasilkan dengan gas, petroleum dan arang batu, iaitu sumber yang tidak boleh diperbaharui. Pengurangan sumber-sumber ini menyebabkan berlakunya perubahan iklim dunia dan menghasilkan sisa buangan yang berbahaya. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjimatkan penggunaan elektrik?

KERTAS SOALAN TAMAT